

B489

R DEB
MAHATHIR - KEHAKIMAN

KUALA LUMPUR, 30 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI MELAHIRKAN PADANGAN BERAT BELIAU TERHADAP MASALAH +TIMBUNAN+ KES MAHKAMAH YANG BELUM DIBICARAKAN DAN MEMERLUKAN PERHATIAN SERIUS PIHAK KEHAKIMAN DAN MAJLIS PEGUAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, SEBALIKNYA MAJLIS PEGUAM BEGITU ASYIK DENGAN POLITIK DAN LEBIH MERUPAKAN SEBUAH PARTI POLITIK DENGAN TIDAK SAMA SEKALI MEMPERDULIKAN MASALAH ITU.

DALAM UCAPAN PENANGGUHANNYA PADA AKHIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI, PRESIDEN UMNO ITU BERKATA, KERAJAAN MAHUKAN PROSES PENGADILAN DIJALANKAN SECEPAT MUNGKIN MEMANDANGKAN LEBIH 300,000 KES BELUM DIBERESKAN.

MENTERI KEHAKIMAN ITU JUGA MENAMBAH KATA, DARIPADA JUMLAH ITU SEBANYAK LEBIH 3,000 ORANG TAHANAN YANG MENUNGGU DIBICARAKAN KINI BERADA DALAM PENJARA.

SALAH SATU DARIPADA SEBAB MENGAPA KEADAAN ITU BERLAKU IALAH KERANA SIKAP MAJLIS PEGUAM SENDIRI YANG BANYAK PEGUAMNYA MEMINTA KES-KES DITANGGUHKAN. -- LAGI.

2323MST 30 10 88

B499

R DEB
MAHATHIR - KEHAKIMAN 2 KUALA LUMPUR

TIDAK KURANG JUGA ADA PEGUAM YANG PERLU MENGHADIRI MESYUARAT PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI MENYEBABKAN MEREKA KURANG MEMBERI PERHATIAN KEPADA KES-KES MEREKA TETAPI LEBIH MENGUTAMAKAN KEGIATAN POLITIK MASING-MASING.

+SEMENTARA ITU RAMAILAH YANG AKAN TERUS BERADA DALAM TAHANAN SAMBIL MENUNGGU MASA BAGI PEGUAM-PEGUAM MENGHADIRI PERBICARAAN,+ KATANYA.

BELIAU MEMBERI CONTOH SATU KES BARU-BARU INI YANG SEORANG TAHANAN REMAN TELAH DIHADAPKAN KE MAHKAMAH DAN DIHUKUM PENJARA 10 TAHUN TETAPI PADA HARI ITU JUGA DIBEBASKAN KERANA DIA TELAH BERADA DALAM TAHANAN SELAMA 10 TAHUN.

TETAPI APA AKAN JADI KEPADA SESEORANG, KALAU AKHIRNYA DIDAPATI DIA TIDAK BERSALAH SEDANGKAN 10 TAHUN DARIPADA KEHIDUPANNYA TELAH DIHABISKAN MERENGGOK DALAM PENJARA?, TANYA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN JARANG MEMBANGKITKAN MASALAH SEPERTI INI KERANA TIDAK MAHU MENCAMPURI URUSAN MAHKAMAH TETAPI RAKYAT HARUS TAHU BAHAWA KEADAAN SEPERTI INI PERNAH BERLAKU DALAM NEGARA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, MAJLIS PEGUAM SEPATUTNYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA KELAKUAN DAN TINGKAH LAKU ANGGOTANYA MEMANDANGKAN AKHIR-AKHIR INI KERAP KALI BERLAKU PEGUAM-PEGUAM DIHADAPKAN KE MAHKAMAH DAN DIHUKUM. --LAGI

2344MST 30 10 88

B501

R DEB
MAHATHIR - KEHAKIMAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, PADA KETIKA TERTENTU MAJLIS PEGUAM MEMPUNYAI MASA UNTUK BERPOLITIK TETAPI MEREKA TIDAK ADA MASA UNTUK MENJALANKAN URUSAN RASMI MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA, MAJLIS PEGUAM JUGA BERPENDIRIAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK BOLEH MENEGUR MAHKAMAH DAN HAKIM-HAKIM TETAPI IA SENDIRI MEMBUAT USUL TIDAK PERCAYA TERHADAP HAKIM TERTENTU DAN SEKIRANYA HAKIM ITU MENJADI HAKIM DALAM SESUATU KES, MEREKA TIDAK AKAN HADIR.

MAJLIS PEGUAM JUGA MENGARAHKAN ANGGOTANYA SUPAYA BERADA DI MAHKAMAH UNTUK +BOO+ HAKIM-HAKIM. +INILAH JENIS PEGUAM-PEGUAM YANG KITA ADA DI MALAYSIA INI,+ KATANYA. -- BERNAMA
2348MST 30 10 88